

Tingkatkan sumber air negara

Oleh **ABDUL MUIN SAPIDIN**
dan **A. MALEK ASLIE**
utusanperak@utusan.com.my

PARIT BUNTAR 24 Mac - Tan Sri Muhyiddin Yassin mahu semua pihak terutama kerajaan negeri bekerjasama dengan kerajaan Pusat dalam melaksanakan langkah strategik meningkatkan sumber air negara bagi mengelakkan krisis sumber asas itu pada masa hadapan.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan, usaha menambah sumber air negara dilihat semakin penting ekoran persaingan guna air yang semakin meningkat seiring pembangunan sektor ekonomi selain impak perubahan iklim dunia yang tidak menentu.

“Jika kita tidak merancang untuk menyediakan infrastruktur air yang secukupnya, kita berkemungkinan besar akan berdepan krisis kekurangan air. Justeru, se-



“Jika kita tidak merancang untuk menyediakan infrastruktur air yang secukupnya, kita berkemungkinan besar akan berdepan krisis kekurangan air. Justeru, semua pihak sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri mesti berusaha untuk memastikan kelangsungan sumber air

TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN
Timbalan Perdana Menteri

mua pihak sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri mesti berusaha untuk memastikan kelangsungan sumber air,” katanya.

Muhyiddin berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui pada majlis pelancaran Dasar Sumber Air Negara (DSAN) 2010-2050 sempena sambutan Hari Air Sedunia Peringkat Kebangsaan 2012 di Dataran Pinggiran Sungai Kerian, di

sini hari ini.

Hadir sama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Douglas Uggah Embas dan Timbalannya, Tan Sri Joseph Kurup serta Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Johari Baharum.

Menurut Muhyiddin, langkah-langkah strategik perlu diambil bagi mengenal pasti dan menambah sumber air negara seperti membangunkan sumber air bawah tanah yang berpotensi untuk

dimajukan secara komersial.

Beliau menarik perhatian, laporan awal Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi mendapati, isipadu air tanah yang tersimpan di Malaysia dianggarkan berjumlah 5,000 bilion meter padu dengan nilai komersial sebanyak RM7.5 trilion.

“Sehubungan itu, kajian dan pembangunan sistematik yang menyeluruh ke atas sumber air bawah tanah perlu dipertingkatkan bagi membantu merealisasi-

kan jaminan bekalan air dan bekalan makanan negara pada masa hadapan,” katanya.

Menurut beliau, langkah meningkatkan sumber air amat penting dalam menghadapi isu jaminan bekalan makanan yang menjadi perhatian di seluruh dunia ekoran sumber air yang semakin terhad.

Beliau mengambil contoh krisis bekalan dan harga makanan pada 2008 yang meningkatkan kesedaran banyak negara termasuk Malaysia untuk memantapkan jaminan bekalan makanan khususnya dalam menampung permintaan dalam negara.

Kerajaan kata beliau, membelanjakan RM10.9 bilion sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi tujuan projek bekalan air bersih dan pembetulan di seluruh negara manakala dalam RMK-10, RM4.64 bilion turut dibelanjakan bagi tujuan sama.